



ARIARNE TITMUS

Negara: Australia

Umur: 22 tahun

Sukan disertai: Renang

Pencapaian: Dua pingat emas

temasya Sukan Olimpik 2020

Acara kegemaran: 200 meter

gaya bebas

Ringkas: Titmus telah mencipta fenomena tersendiri arena akuatik selepas berjaya memecahkan rekod dunia untuk acara 400m pada kejohanan dunia edisi 2019 sebelum tampil cemerlang dengan mengutip dua pingat emas pada temasya Sukan Olimpik tahun lalu.

CHAD LE CLOS

Negara: Afrika Selatan

Umur: 30 tahun

Sukan disertai: Renang

Pencapaian: Pingat emas Sukan Olimpik 2012

Acara kegemaran: 200 meter kuak kupu-kupu

Ringkas: Le Clos dianggap sebagai salah seorang legenda Sukan Komanwel memandangkan statusnya selaku pemenang tujuh pingat emas kejohanan itu dengan mendominasi acara akuatik sejak edisi 2010, 2014 dan 2018 yang lepas.

Atlet bintang bakal gegar Komanwel

P.V. SINDHU

Negara: India

Umur: 27 tahun

Sukan disertai: Badminton

Acara:

Perseorangan

ADAM PEATY

Negara: England

Umur: 28 tahun

Sukan disertai: Renang

Pencapaian: Pingat emas temasya Sukan Olimpik 2016 dan 2020

Acara kegemaran: 100 meter kuak dada

Ringkas: Peaty menjadi tumpuan utama bagi kontinjen tuan rumah untuk menghadihkan kilauan pingat di kolam 'akuatik' dengan pengalamannya yang meraih pingat emas pada dua temasya Sukan Olimpik yang lepas.

Susunan MUHD. ARDIE PUTRA SUHAIMI

TEMASYA Sukan Komanwel merupakan salah satu medan buat barisan atlet mencipta nama di pentas antarabangsa memandangkan ia antara temasya sukan yang mendapat liputan paling meluas di dunia dengan disertai.

Seramai lebih 5,000 atlet dari 72 negara Komanwel sudah 'berkampung' di Birmingham, England untuk menyertai 19 sukan yang dipertandingkan melibatkan 286 acara pada kejohanan yang bermula secara rasmi kelmari hingga 8

FAKTA SUKAN

Ogos depan.

Fakta Sukan Kosmo! menyenaraikan beberapa atlet antarabangsa yang menjadi tumpuan utama yang secara tidak langsung berpotensi untuk menyerlah pada temasya Sukan Komanwel 2022 yang sedang berlangsung kali ini.

wanita
Pencapaian: Pingat perak Sukan Olimpik 2016 dan pingat gangsa Sukan Olimpik 2020

Ringkas: Ramai yang beranggapan Sindhu bakal mendominasi arena badminton di Birmingham kali ini dengan mudah kerana ketiadaan pencabar yang berkualiti boleh memberikan saingan.





**MARIAFE ARTACHO
DEL SOLAR**

Negara: Australia

Umur: 29 tahun

Sukan disertai: Bola
tampar pantai

Pencapaian: Pingat
perak Sukan Olimpik
2020

Ringkas: Del Solar
optimis dapat
mempamerkan rentak
cemerlang dengan
rakan sebanding,
Taliqna Clancy
meskipun terlepas
peluang untuk menaiki
podium selaku
pemenang pingat emas
Sukan Olimpik Tokyo
2020 tahun lalu.

AKANI SIMBINE

Negara: Afrika Selatan

Umur: 29 tahun

Sukan disertai: Olahraga

Pencapaian: Pingat emas Sukan
Komanwel 2018

Acara kegemaran: 100 meter

Ringkas: Simbine memiliki potensi
untuk mempertahankan pingat
emas yang dimenangi pada edisi
2018 khususnya mengekalkan
status 'raja pecut' negara-
negara Komanwel
memandangkan
pesaing terdekat
dari negara
Jamaica sudah
ketandusan
pelari pecut
berkualiti.



DYLAN COLLIER

Negara: New Zealand

Umur: 31 tahun

Sukan disertai:

Ragbi 7s

Pencapaian: Pingat perak Sukan Olimpik 2020

Ringkas: Collier menjadi salah seorang sandaran skuad All Blacks untuk mempertahankan pingat emas acara ragbi 7s yang dimenangi pada edisi 2018 dengan cabaran dijangka hadir menerusi skuad England dan Australia.

LAURA KENNY

Negara: England

Umur: 30 tahun

Sukan disertai: Berbasikal trek

Pencapaian: Lima pingat emas Sukan Olimpik

Ringkas: Laura sememangnya menjadi salah satu atlet sandaran untuk merangkul pingat emas buat kontinjen tuan rumah. Berbekalkan pengalamannya di pentas Olimpik, kemungkinan untuk mendominasi acara berbasikal trek sangat besar.